



## KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

### SIARAN AKHBAR

#### **PENAHANAN SEMENTARA KADAR DUTI EKSAIS BAGI BAHAN MENTAH PLASTIK DAN PRODUK PLASTIK LAIN YANG BERKAITAN BERKUATKUASA 17 MEI 2023**

1. Berikutan dengan Siaran Akhbar Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada 24hb., Syawal, 1444H bersamaan 15hb., Mei, 2023M mengenai perubahan kadar-kadar duti import kastam dan eksais yang berkuatkuasa pada 17hb., Mei, 2023, yang telah melibatkan peningkatan kadar duti eksais bagi antarlain bahan mentah plastik, beg plastik dan bekas makanan plastik pakai buang, Kementerian Kewangan dan Ekonomi sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada orang ramai di atas sokongan ke atas inisiatif pihak Kerajaan ke arah mengurangkan penggunaan barangan plastik di Negara Brunei Darussalam, yang menyumbang kepada pencemaran dan kerosakan alam sekitar.
2. Dalam masa yang sama, pihak Kerajaan juga mengambil maklum bahawa perubahan kadar duti eksais berkenaan juga telah memberikan impak kepada syarikat-syarikat pengilang pembuat barangan plastik, para peniaga dan juga sebilangan pengguna. Oleh itu, bagi membantu peniaga-peniaga tempatan untuk membuat persediaan dalam membentuk strategi perniagaan baharu untuk mendukung inisiatif ke arah pengurangan penggunaan plastik di Negara ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin mengumumkan penahanan sementara kadar duti eksais sebanyak \$5/kg ke atas 139 barisan Kod *Harmonised System (HS)*, iaitu di bawah *heading* 39.01 hingga 39.14 dan sebilangan produk plastik di bawah *heading* 39.23 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Dalam hubungan ini, **kadar duti eksais yang akan dikenakan secara sementara kepada semua pengimport bagi barang-barang di bawah Kod HS yang berkenaan adalah sebanyak 5% daripada nilai perdagangan yang diisytiharkan dan akan berkuatkuasa secara kebelakangan mulai 17 Mei 2023.**

3. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) akan menguruskan bayaran balik atau *refund* jumlah perbezaan bayaran duti eksais yang telah dibuat pada kadar \$5/kg sejak 17 Mei 2023.
4. Sokongan padu secara berterusan daripada orang ramai bagi sama-sama menjalankan tanggungjawab untuk menjaga kelestarian alam sekitar adalah sangat diharapkan.
5. Maklumat lanjut mengenai perubahan kadar-kadar duti ini boleh diperolehi daripada [www.bdnsw.mofe.gov.bn](http://www.bdnsw.mofe.gov.bn) atau [www.tradingacrossborders.mofe.gov.bn](http://www.tradingacrossborders.mofe.gov.bn). Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Negara Brunei Darussalam di talian 2382361 (semasa waktu pejabat) atau e-mel kepada [info@customs.gov.bn](mailto:info@customs.gov.bn).

Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 17 Zulhijjah 1444  
06 Julai 2023